



Semua Pegawai Pengawal
Negeri Selangor Darul Ehsan

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN
ANGGARAN PERBELANJAAN DAN HASIL TAHUN 2019**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Pegawai Pengawal bagi penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan serta Anggaran Hasil Tahun 2019.

2.0 DASAR-DASAR UTAMA KERAJAAN NEGERI

- 2.1 Dalam merangka Anggaran Perbelanjaan 2019, agenda Kerajaan Negeri iaitu Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri dengan membawa tema *fastabiqul khairat* perlu diberikan tumpuan melalui lima strategi belanjawan iaitu *Smart Selangor* ke arah globalisasi, meningkat kesejahteraan, menjamin keselamatan, memperkasa kualiti pendidikan dan kemahiran berinovasi, merayakan budaya, warisan, intelek di samping menyegarkan jasmani dan lingkungan, serta membangun negeri penyayang.

- 2.2 Sungguhpun begitu, perkembangan semasa ekonomi serantau dan global yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Negeri perlu diambil perhatian. Oleh yang demikian, bagi menghadapi cabaran untuk terus kekal relevan dan berdaya saing dalam perubahan dunia yang pantas, langkah-langkah proaktif dan inovatif wajar dilaksanakan oleh semua pihak seperti mengenal pasti dan mencadangkan sumber hasil baru dalam usaha meningkatkan hasil negeri di samping menyusun semula keutamaan program jabatan/agensi mengikut keperluan.
- 2.3 Penekanan juga perlu diberikan kepada perancangan perbelanjaan di bawah prinsip penggunaan sumber secara optimum dan berhemat, keupayaan untuk melaksanakan perolehan pada tahun semasa bagi perkara yang telah dirancang, disamping perolehan berdasarkan harga pembelian yang munasabah dengan nilai yang menguntungkan untuk Kerajaan Negeri selaras dengan prinsip "*value for money*". Pematuhan kepada dasar penilaian perolehan secara Sistem *Cut-Off* hendaklah digunapakai seperti mana dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 7 Tahun 2014.
- 2.4 Oleh yang demikian, dalam membuat perancangan perbelanjaan tahun 2019, Pegawai Pengawal perlu melaksanakan kawalan perbelanjaan dengan mengurangkan perbelanjaan Mengurus yang tidak kritikal, menyemak semula keperluan sebenar pengisian jawatan terutama kakitangan kontrak bagi mengelakkan pertindihan tugas serta memastikan pengurusan wang yang cekap dan telus tanpa menjejaskan prestasi, produktiviti dan kualiti perkhidmatan.
- 2.5 Pegawai Pengawal juga perlu menyediakan anggaran perbelanjaan secara teliti dengan merancang strategi pelaksanaan aktiviti Jabatan mengikut keutamaan bagi mencapai *outcome* yang telah ditetapkan berdasarkan prinsip penggunaan sumber secara optimum, berhemat dan telus di samping mampu meransang pertumbuhan ekonomi negeri dan membawa pulangan pelaburan yang berimpak tinggi.

3.0 CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS (TANGGUNGAN DAN BEKALAN) TAHUN 2019

- 3.1 Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019:

- 3.1.1 Perbelanjaan yang dirangka perlu mengikut keutamaan berdasarkan *outcome* dan impak secara cekap dan berkesan;
 - 3.1.2 Program dan aktiviti hendaklah disemak, dinilai, diubahsuai serta disusun mengikut keutamaan semasa, dengan memastikan tidak berlakunya pertindihan fungsi;
 - 3.1.3 Memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi;
 - 3.1.4 Anggaran peruntukan bagi emolumen disediakan secukupnya termasuk pegawai kontrak/sementara yang dibayar di bawah Objek Sebagai 29000;
 - 3.1.5 Penyenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan perlu diberi keutamaan;
 - 3.1.6 Keupayaan untuk menyelesaikan semua jenis perolehan yang dicadangkan dalam tahun semasa;
 - 3.1.7 Pembelian aset baru perlu dibuat penilaian bagi mengelakkan pembaziran;
 - 3.1.8 Cadangan penganjuran sesuatu program/ majlis perlulah sederhana dengan perbelanjaan yang optimum; dan
 - 3.1.9 Garis panduan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa berhubung perbelanjaan berhemat diambil kira semasa penyediaan belanjawan.
- 3.2 Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019 akan dibuat melalui kaedah penetapan batas perbelanjaan atau *expenditure target* (ET) oleh Perbendaharaan Negeri yang merangkumi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off* dengan formula seperti berikut:

ET 2019

3% Emolumen 2018 + Dasar Sedia Ada 2018 + (Dasar Baru 2018 – Dasar Baru 2017 yang tidak dibelanjakan)

- 3.3 Cadangan Dasar Baru (termasuk peluasan kepada Dasar Sedia Ada) dan *One-Off* perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri melalui format ABM 4, ABM 5 dan ABM 6 seperti di Lampiran. Permohonan Dasar Baru dan *One-Off* yang dikemukakan perlu mempunyai justifikasi yang lengkap sejajar dengan perancangan strategi Jabatan serta memberikan impak yang signifikan terhadap *outcome* yang mampu meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan.

Justifikasi yang dikemukakan perlu disertakan bersama kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Mesyuarat Tindakan Ekonomi Negeri Selangor atau keputusan mesyuarat Jabatan.

- 3.4 Nilai *threshold* akan ditentukan untuk semua Jabatan bagi cadangan Dasar Baru dan *One-Off*. *Threshold* adalah satu nilai yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Negeri bagi sesuatu Jabatan/Agensi yang mana nilai tersebut digunakan sebagai ukuran untuk menentukan jumlah peruntukan tambahan yang wajar diluluskan bagi Dasar Baru/ *One-Off*.
- 3.5 Sekiranya terdapat penjimatan kos hasil daripada pemansuhan, pengecilan skop Dasar Sedia Ada atau perubahan proses, cadangan penjimatan Batas Dasar Sedia Ada hendaklah dikemukakan.

4.0 PENYEDIAAN ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019

- 4.1 Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) akan dilaksanakan semasa penyediaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019. Semasa kajian semakan semula dijalankan, laporan penilaian keberhasilan pencapaian *outcome* akan diteliti dan perlu selaras dengan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 – 2022.
- 4.2 KSP Jabatan juga perlu meneliti perancangan projek yang berstatus Dalam Perancangan (DP) pada tahun 2018 dan mengemukakan senarai cadangan pengguguran projek fizikal RMKe-11.
- 4.3 Selaras dengan perenggan 4.1 juga, Jabatan Teknikal dan Jabatan berkaitan adalah diminta untuk menyediakan senarai projek fizikal RMKe-11 yang telah diluluskan yang akan disiapkan menjelang tahun 2020 sebagaimana Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 – 2022 iaitu sebanyak 80% daripada keseluruhan

bilangan projek fizikal Jabatan dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-11 dengan mematuhi siling yang telah diluluskan.

- 4.4 Jabatan perlu membuat penilaian impak ke atas Projek Bukan Fizikal di bawah RMKe-11 dalam tempoh sekurang-kurangnya sekali dalam lima tahun bagi menentukan penerusan, penambahan, pembaikan atau pemansuhan.
- 4.5 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019 perlu disediakan mematuhi siling projek tahun semasa yang telah diluluskan dan prestasi kemajuan fizikal projek.
- 4.6 Pertimbangan bagi tahun 2019 akan berdasarkan rekod pemantauan perbelanjaan dan pelaksanaan Projek Fizikal dan Bukan Fizikal dalam RMKe-11 melalui *Smart Project* dan dikemukakan semasa Mesyuarat Pemeriksaan Anggaran Belanja Pembangunan Tahun 2019.
- 4.7 Pegawai Pengawal adalah diminta untuk menyediakan maklumat Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019 berpandukan siling RMKe-11 Negeri Selangor berjumlah RM8.47 bilion seperti mana yang telah diluluskan pada tahun 2018 dengan mengemukakan maklumat seperti berikut:
 - 4.6.1 Pecahan Kepala (PK) – ABP 1;
 - 4.6.2 Butiran Am Pecahan Kepala (BAPK) – ABP (1)2;
 - 4.6.3 Butiran Sebagai Pecahan Kepala (BSPK) – ABP (1)3;
 - 4.6.4 Butiran Lanjut Pecahan Kepala (BLPK) – ABP 1(4); dan
 - 4.6.5 Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 – ABP 2.
- 4.8 Bagi projek-projek baru yang dirancang untuk dilaksanakan tetapi belum dimuktamadkan atau diluluskan, Maklumat Lengkap Cadangan Pelaksanaan Projek berserta justifikasi perlu dikemukakan bersama kepada UPEN.

5.0 PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2019

- 5.1 Penyediaan Cadangan Anggaran Hasil bagi tahun 2019 hendaklah disediakan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 5.1.1 Meneliti rekod prestasi kutipan hasil tiga tahun ke belakang;
 - 5.1.2 Mengambil kira perubahan dasar, peraturan dan kadar; dan
 - 5.1.3 Kemampuan kutipan tunggakan hasil.
- 5.2 Setiap butiran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan yang terperinci dengan memberikan asas-asas yang tepat dengan kadar, jumlah dan sebagainya untuk menentukan jumlah hasil yang sepatutnya dipungut bagi tahun 2019.
- 5.3 Pegawai Pengawal/ Pemungut hendaklah menyatakan keupayaan untuk memungut setiap jenis hasil bagi tahun semasa dan 2019 serta keupayaan memungut tunggakan terkumpul tahun-tahun sebelumnya seperti berikut:
- 5.3.1 Jumlah hasil sebenar tahun 2017;
 - 5.3.2 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2018;
 - 5.3.3 Anggaran bagi tiap-tiap jenis hasil tahun 2019.

6.0 FORMAT PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN DAN HASIL TAHUN 2019

- 6.1 Tatacara penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus, cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan Anggaran Hasil Tahun 2019 adalah seperti di **LAMPIRAN A**, **LAMPIRAN B** dan **LAMPIRAN C**.
- 6.2 Cadangan Anggaran Perbelanjaan dan Anggaran Hasil perlu dikemukakan kepada Jabatan berikut sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan:

Bil	Permohonan	Jabatan	Tarikh Akhir
1	Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2019	Perbendaharaan Negeri	13 April 2018 (Jumaat)
2	Anggaran Hasil 2019		
3	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019	UPEN	

- 6.3 Cadangan anggaran tersebut hendaklah disediakan sebanyak satu (1) naskhah dalam bentuk *hardcopy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan satu (1) dalam bentuk *soft copy*.

7.0 PEMERIKSAAN CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN DAN HASIL TAHUN 2019

- 7.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2019 akan dilaksanakan mulai **akhir bulan April 2018**. Jadual pemeriksaan belanjawan atau *budget screening* akan dimaklumkan kepada jabatan-jabatan melalui surat rasmi dan Pegawai Pengawal adalah dipohon untuk turut hadir dalam pemeriksaan tersebut.
- 7.2 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Hasil Tahun 2019 akan dilaksanakan mulai **bulan April 2018**. Jadual pemeriksaan hasil atau *review* hasil akan dimaklumkan kepada jabatan-jabatan melalui surat rasmi dan pegawai penyedia Anggaran Hasil yang berkenaan hendaklah turut hadir dalam pemeriksaan tersebut.

8.0 LAPORAN PENGECEUALIAN TAHUNAN

- 8.1 Satu laporan pengecualian yang mengenal pasti sejauh mana pencapaian mana-mana petunjuk seperti yang terdapat dalam Perjanjian Program sekiranya terkeluar dari varian yang dipersetujui, hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh tamat sesuatu tahun kewangan. Format laporan adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

9.0 PENUTUP

- 9.1 Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Hasil Tahun 2019, Pegawai Pengawal boleh menghubungi pegawai di Perbendaharaan Negeri Selangor seperti berikut:

I. Bahagian Belanjawan

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No. Telefon</u>
1.	Puan Zurina binti Abd Rahim	03-5544 7106
2.	Puan Noor Syahidah binti Saadon	03-5544 7795
3.	Cik Aliah Hanim binti Ramdan	03-5544 7111

II. Bahagian Pengurusan Hasil

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No. Telefon</u>
1.	Puan Faizah binti Mohd Shafawi	03-5544 7595
2.	Puan Lili Suryani binti Supardin	03-5544 7957

- 9.2 Bagi pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019, pegawai daripada **Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN** boleh dihubungi di talian seperti berikut:

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>No. Telefon</u>
1.	Puan Juliana binti Borhan	03-5544 7978
2.	Puan Siti Hajar binti Mohd Kasim	03-5521 2401

Sekian, terima kasih.

“MEMBANGUN BANGSA, MEMAKMUR NEGERI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 5 Mac 2018

Salinan kepada:

- i) YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii) YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii) Semua YB Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor
- iv) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)
- v) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan)